

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihargai,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai perkhidmatan dagangan saham dan akaun yang disediakan oleh Public Bank Berhad.



Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapatinya berguna, **anda juga harus membacanya.**

Tarikh : _____

KETAHUI PRODUK ANDA

Nama Produk	PB SHARELINK		
	Produk yang direka untuk memudahkan perdagangan dan pelaburan anda dalam saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad ("BURSA").		
Jenis Produk dan Huraian	Perdagangan Tunai (CA)		Perdagangan Cagaran (CT)
	Beli saham berdasarkan baki kredit dalam Akaun Semasa PB Sharelink pada dasar satu kepada satu (1:1).		Beli saham dengan had dagangan yang lebih tinggi berdasarkan gandaan tunai / deposit tetap anda dan/atau saham yang telah diletakkan sebagai cagaran (<i>lihat ilustrasi dalam Jadual I – Bahagian A</i>). Penyelesaian penuh kontrak pada hari dagangan ke-2 (T + 2)
Jenis Akaun Yang Akan Dibuka Setelah Permohonan PB Sharelink Anda Diluluskan dan Huraian	Akaun Semasa PB Sharelink ("PBS")	Akaun Dagangan	Akaun Sistem Depositori Pusat ("CDS")
	Akaun akan dibuka dengan Public Bank ("Bank") Akaun ini adalah untuk penyelesaian kontrak Beli dan Jual anda serta untuk langganan tindakan korporat. DILINDUNGI OLEH PIDM SETAKAT RM250,000 BAGI SETIAP PENDEPOSIT	Akaun akan dibuka dengan Public Investment Bank Berhad ("PIVB") di bawah nama Public Nominees (Tempatan) / (Asing) Sdn Bhd ("PNOM") sebagai pemilik berdaftar dan anda sebagai pemilik benefisial saham. Akaun tersebut adalah untuk memudahkan aktiviti dagangan saham anda.	Akaun akan dibuka dengan PIVB dan disenggara dengan Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd ("BMD") di bawah nama PNOM sebagai pemilik berdaftar dan anda sebagai pemilik benefisial saham. Ini ialah Akaun Sekuriti Cagaran Nomini. Akaun ini adalah untuk menyimpan saham yang dipegang oleh anda. SAHAM YANG DIPEGANG/ DICAGAR - TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM

KETAHUI KOS ANDA

FI PEMBUKAAN AKAUN	CA	CT	
Pembukaan Akaun CDS dengan BMD	RM10*	RM10*	Untuk senarai penuh fi dan caj, sila layari laman web kami melalui https://pbebank.com . Nota(*) - Tertakluk pada peruntukan Peraturan Cukai Perkhidmatan (ST), Fi ini mungkin tertakluk kepada ST.
Penyeteman nominal untuk Surat Tawaran	RM10	RM10	
Penyeteman nominal untuk Surat Tolak Selesai	-	RM10	
Penyeteman nominal untuk Perjanjian Nomini	RM10	RM10	

KETAHUI TANGGUNGJAWAB ANDA

Baca dan fahami terma utama dalam borang permohonan serta Terma dan Syarat sebelum anda memohon.

Sentiasa kekalkan baki yang mencukupi dalam Akaun Semasa PBS anda untuk penyelesaian dagangan anda.







Sentiasa ambil maklum tentang hak kelayakan tindakan korporat anda. Maklumkan segera kepada kami tentang keputusan anda bagi mengelakkan peluputan hak kelayakan.

Maklumkan kepada kami dengan segera sekiranya terdapat perubahan dalam nombor telefon atau alamat anda.





KETAHUI RISIKO ANDA

Melabur dalam saham melibatkan tahap risiko ketara yang mungkin memberi kesan negatif atas nilai pelaburan anda. Risiko utama dalam pelaburan saham termasuk tetapi tidak terhad kepada risiko pasaran, risiko kecairan, risiko syarikat, risiko pengawalseliaan serta risiko inflasi. Untuk butiran terperinci tentang risiko-risiko utama ini, sila rujuk Jadual I – Bahagian B.

KETAHUI MANFAAT ANDA

-  Tiada jumlah minimum diperlukan untuk menyenggara Akaun Semasa PBS.
-  Deposit dana dengan mudah ke dalam akaun anda di mana-mana cawangan, terminal layan diri atau perkhidmatan perbankan dalam talian.
-  Deposit dana akan dikemas kini serta-merta dalam had dagangan anda.
-  Dapatkan akses percuma kepada platform dagangan saham internet dan mudah alih Bank, dengan harga saham dan maklumat masa nyata.
-  Jika anda seorang individu, peroleh faedah atas baki kredit dalam Akaun Semasa PBS anda. Rujuk kadar faedah Akaun ACE dalam Perbankan Dalam Talian MyPB .
-  Sokongan daripada Unit Pelaburan Saham Bank untuk semua keperluan berkenaan pelaburan dan akaun anda.

SYARAT UTAMA LAIN

-  Pembukaan akaun PB Sharelink tertakluk pada kelulusan Bank. Operasi akaun dan dagangan saham dikawal oleh undang-undang Malaysia dan polisi Bank, PIVB serta pihak berkuasa pengawalseliaan.
-  PB Sharelink CA atau CT anda tidak boleh digunakan untuk permohonan Tawaran Awam Permulaan (IPO).
-  Pastikan Akaun Semasa PBS anda tidak berada dalam posisi terlebih dikeluarkan. Untuk mendapatkan semula amaun yang terlebih dikeluarkan, Bank boleh menjual paksa saham anda, menggunakan dana daripada akaun anda yang lain dengan Bank dan/atau mengambil tindakan undang-undang. Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin menjejaskan penarafan kredit anda yang menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.
-  Dokumen ini merupakan lembaran pendedahan produk dan bertujuan untuk memberikan maklumat sahaja. Ia bukan perjanjian atau pengganti kepada terma dan syarat penuh produk.

CARA UNTUK MENDAPATKAN BANTUAN DAN PENYELESAIAN

Jika anda mempunyai apa-apa soalan, maklumbalas, aduan atau memerlukan bantuan mengenai produk PB Sharelink atau perkhidmatan kami, anda boleh:



Kunjungi/ Hubungi Unit Pelaburan Saham kami. Senarai alamat dan nombor telefon boleh didapati melalui www.pbebank.com.my



Hubungi kami melalui talian Perkhidmatan Pelanggan kami di 03-2170 8000



E-mel kami melalui shareinvest@publicbank.com.my atau customerservice@publicbank.com.my



Beri maklumat di bahagian Contact Us di laman web kami di www.pbebank.com.my.

Jika anda tidak berpuas hati dengan penyelesaian kami bagi pertanyaan atau aduan anda, anda boleh menghubungi:

Bank Negara Malaysia (BNM)
Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn
50480, Kuala Lumpur
Telefon : 1-300-88-5465 atau
melalui borang web di bnmlink.bnm.gov.my

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)
Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia
No 4 Jalan Sultan Sulaiman 50000 KL
Telefon : 03-2272 2811
Laman web: www.fmos.org.my

Perakuan Pelanggan (*)

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan mengetahui tujuan anda meletakkan tandatangan anda:

- Saya mengakui bahawa Public Bank Berhad telah memberikan sesalinan PDS dan Jadualnya kepada saya.
- Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS dan Jadualnya.

(*) Perakuan pelanggan terhadap PDS ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya berlaku pertikaian berhubung dengan terma dan syarat produk pada masa akan datang.

Tandatangan

Nama :

Tarikh :

BAHAGIAN A – PENGIRAAN GANDAAN DAN HAD DAGANGAN

Had Dagangan ialah amaun yang diberikan oleh Bank kepada anda pada setiap hari dagangan untuk anda membeli saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia berdasarkan nilai cagaran yang disandarkan selepas mengguna pakai gandaan yang diluluskan oleh Bank, seperti yang berikut:

Jenis Produk	Gandaan	Sebagai contoh,		
	(A)	Nilai (B)	Had Dagangan (A) x (B)	Jumlah Had Dagangan
Perdagangan Tunai	CB ^A : 1 x	RM10,000	RM10,000	RM10,000
Perdagangan Cagaran	CB ^A : 3 x	RM20,000	RM60,000	
<i>Dengan andaian bahawa pelanggan telah mencagarkan KETIGA-TIGA jenis cagaran iaitu Tunai, Saham dan Deposit Tetap</i>	FD : 3 x	RM5,000	RM15,000	
	BSV ^B : 2 x	RM10,000	RM20,000	RM95,000

Nota :

A CB = Baki kredit sebenar dalam Akaun Semasa PB Sharelink selepas mengambilkira amaun penyelesaian dagangan yang belum selesai untuk kontrak Beli dan/atau Jual, termasuk kos urus niaga yang dikenakan oleh Bursa Malaysia dan duti setem kontrak.

B Nilai yang ditetapkan oleh Bank bagi saham dalam portfolio saham anda.

BAHAGIAN B – TAKRIFAN RISIKO UTAMA PELABURAN SAHAM

RISIKO PASARAN	RISIKO KECAIRAN	RISIKO SYARIKAT	RISIKO PENGAWALSELIAAN	RISIKO INFLASI
Pergerakan harga saham mungkin berubah-ubah dan sukar dijangka berikutan peristiwa ekonomi atau geo-politik yang meluas.	Saham mungkin tidak boleh dibeli atau dijual dengan cukup cepat atau pada harga yang menguntungkan disebabkan oleh kekurangan aktiviti pasaran bagi saham tersebut.	Prestasi syarikat mungkin merosot, oleh itu, menjejaskan harga sahamnya. Sebuah syarikat mungkin juga mengurangkan atau menggantung pembayaran dividen dan menjejaskan pulangan yang anda jangkakan.	Perubahan dalam undang-undang, peraturan atau dasar kerajaan boleh secara negatif menjejaskan operasi, keberuntungan dan daya maju syarikat.	Perbelanjaan pelanggan yang lebih rendah dan kadar faedah tinggi yang dikenakan atas pinjaman syarikat boleh mengakibatkan penurunan keuntungan yang boleh menjejaskan harga saham syarikat.